

23 AUG 2003

MODENAS-KARISMA

SKUTER KARISMA TERAJUI PASARAN HINGGA AKHIR TAHUN

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas) menjangka model skuter Karismanya yang dilancarkan pada Januari tahun ini akan terus mendominasi pasaran skuter tempatan hingga akhir tahun walaupun wujud persaingan daripada skuter import dari China.

"Kami yakin Karisma akan terus berada di tempat pertama dengan sekurang-kurangnya 30 peratus penguasaan pasaran skuter di Malaysia menjelang akhir tahun," kata pengerusi Modenas, Tan Sri Mohd Saleh Sulong, hari ini.

Bagi enam bulan pertama 2003, Karisma 125 cc menguasai 22 peratus pasaran skuter tempatan manakala Kriss Modenas menguasai 40 peratus pasaran motosikal di bawah 110 cc.

"Secara keseluruhannya, Modenas menguasai 30 peratus pasaran motosikal dan skuter di negara ini," katanya pada majlis pelancaran motosikal dan skuter baru itu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, hari ini.

Mohd Saleh berkata, banjir motosikal dan skuter murah dari China, sebahagiannya berharga serendah RM2,800, telah menyebabkan lonjakan besar jualan motosikal di Malaysia kepada 152,296 unit dalam tempoh Jan-Jun tahun ini berbanding 119,664 unit dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Pasaran skuter telah memperlihatkan peningkatan jualan tertinggi sebanyak 39,547 unit dalam enam bulan pertama tahun ini berbanding hanya 5,368 unit dalam tempoh Jan-Jun 2002, katanya.

Mengenai tiga produk baru dari Modenas itu, beliau berkata, ketiga-tiganya akan memberi sumbangan besar kepada keseluruhan jualan syarikat itu iaitu di antara 2,500 dan 3,000 unit sebulan, tegas Mohd Saleh.

Tiga model itu ialah skuter Elit 150 cc, skuter Ceria 100 cc dan motosikal dua lejang Dinamik.

Model Elit yang dijual mulai hari ini berharga kira-kira RM5,500 manakala Ceria dan Dinamik, yang masing-masing akan mula dijual pada pertengahan Sept dan pertengahan Oktober berharga lebih rendah daripada RM4,700 dan RM6,200.--BERNAMA

MAD FR KY ZK